

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB PUAN NURUL IZZAH BIN ANWAR**

**KAWASAN : LEMBAH PANTAI**

**NO. SOALAN : 551**

YB PUAN NURUL IZZAH BIN ANWAR (LEMBAH PANTAI) minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan:-

- a. Pendirian Kerajaan berkait pengiktirafan kewujudan Israel memandangkan hubungan dagang negara dengan syarikat multinasional yang mengimport barang Israel dan juga mengeksport barang Malaysia ke Israel; dan
  
- b. Produk yang menggunakan komponen-komponen yang dikeluarkan oleh Israel, dan nyatakan secara jelas komponen tersebut.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Ingin dimaklumkan bahawa Malaysia tidak mempunyai sebarang hubungan diplomatik dengan Israel dan tidak mempunyai hubungan ekonomi secara rasmi dengan Israel.

Berdasarkan pemerhatian Kementerian ini, terdapat tiga kaedah perdagangan (*mode of trade*) dengan Israel, iaitu:

- (i) Secara amalan rangkaian bekalan antarabangsa (*global supply chain*) oleh syarikat-syarikat antarabangsa atau multinasional (MNCs);
- (ii) Perdagangan dengan Palestin melalui pintu masuk di Israel; dan
- (iii) Eksport produk Malaysia ke Israel oleh negara-negara ketiga.

Bagaimanapun, secara majoriti, perdagangan antarabangsa Malaysia lazimnya dikendali oleh syarikat-syarikat antarabangsa (MNCs) melalui rangkaian bekalan antarabangsa (*global supply chain*) mereka.

Beberapa syarikat antarabangsa yang beroperasi di Malaysia terlibat dalam amalan rangkaian bekalan antarabangsa dan Israel adalah sebahagian daripada rangkaian tersebut. Amalan perniagaan antarabangsa ini, seperti juga eksport melalui negara ketiga, adalah di luar kawalan Kerajaan.

Sebahagian besar barang yang diimport atau dieksport oleh syarikat MNCs melalui rangkaian bekalan antarabangsa ini adalah merupakan komponen-komponen elektronik yang digunakan dalam pembuatan cip komputer dan kegunaan industri semi konduktor. Contoh komponen adalah seperti dengan izin, *capacitor*, *resistor*, *inductor* dan *integrated controller*.

Tuan Yang Pertua,

Selain amalan rangkaian bekalan antarabangsa, aktiviti perdagangan lain juga berlaku untuk terus menyokong pembangunan ekonomi Palestin. Ini kerana, semua barang dagangan antara Malaysia dan Palestin serta Wilayah Gaza perlu melalui Pelabuhan Ashdod, Ilat dan Haifa di wilayah Israel memandangkan pelabuhan di Gaza masih dikepung oleh tentera laut Israel.

Urusan pentadbiran perdagangan seperti yang dijelaskan sebelum ini, memerlukan kelulusan lesen import dan eksport di mana barang berasal dari, melalui atau ke Israel tertakluk kepada Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2012 dan Perintah Kastam (Larangan Mengenai Eksport) 2012.

**NO. SOALAN: 552**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR  
[ LEMBAH PANTAI ]**

**RUJUKAN : 7690**

**SOALAN:**

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [ Lembah Pantai ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-**

- (a) apakah tindakan Kerajaan ke atas Tan Sri Khalid Abu Bakar mengekang kebebasan bersuara dengan memberi amaran kepada pengguna laman *Twitter* supaya tidak mengkritik kerajaan; dan
- (b) kenapakah kenyataan-kenyataan yang menuntut pertumpahan darah antara kaum tidak mendapat perhatian daripada Ketua Polis Negara.

## **JAWAPAN:**

Bagi menjawab soalan (a), Kementerian Dalam Negeri berpandangan bahawa tindakan yang diambil oleh Ketua Polis Negara adalah untuk menarik perhatian umum mengenai langkah-langkah yang diambil oleh pihak keselamatan, bukan bertujuan untuk menakut-nakutkan mana-mana pihak atau bermotifkan politik. Polis DiRaja Malaysia (PDRM) bersikap profesional, tidak memihak kepada mana-mana pihak dan sentiasa mengekalkan undang-undang dan ketenteraman awam dalam mencegah dan mengesan penjenayah dengan pendekatan "*without fear and favour*". Sehubungan itu, PDRM memaklumkan kepada orang ramai mengenai tindakan yang diambil melalui *Twitter* dengan mengambil kira perkara-perkara yang boleh menimbulkan kebimbangan orang awam dan kejayaan yang dicapai oleh PDRM. Hebahnya sebegini tidak menyalahi sebarang undang-undang serta peraturan yang sedia ada dan mudah serta cepat dibaca oleh masyarakat umum.

PDRM memandang serius kerana terdapat pihak yang tidak bertanggungjawab dan mempunyai kepentingan telah menggunakan media ini untuk mempengaruhi atau menghasut pihak ketiga sehingga boleh menjelaskan keselamatan negara. Justeru itu, semua pihak perlu menitikberatkan langkah pengawalan dan waspada bagi mengelak tercetusnya sentimen perkauman dan keagamaan.

**Bagi menjawab soalan (b), adalah tidak benar, kenyataan yang boleh menimbulkan kegusaran dan menggugat ketenteraman awam tidak diberikan perhatian yang serius oleh PDRM. Setiap aduan yang diterima akan disiasat dengan adil dan secara profesional termasuk kenyataan yang menuntut pertumpahan darah seperti yang didakwa.**